

Pengenalan

Produktiviti dalam industri kelapa sawit bergantung terhadap banyak faktor termasuklah bahan tanaman yang berkualiti diperoleh daripada tapak semaian.



Skop CoPN

Kod Amalan Baik Tapak Semaian Untuk Tapak Semaian Sawit meliputi segala aspek pertumbuhan bahan tanaman kelapa sawit di tapak semaian bermula daripada penerimaan biji cambah atau ramet sehingga ke peringkat persediaan untuk ditanam ke ladang.



Keperluan

Kod Amalan ini menekankan keperluan-keperluan seperti berikut:

- 01 Kebolehkesanan anak benih atau ramet yang dihasilkan daripada pengeluar biji cambah yang berdaftar.
- 02 Pemilihan kawasan tapak semaian yang sesuai.
- 03 Penanaman biji cambah.
- 04 Penyediaan media pertumbuhan.
- 05 Pemasangan kemudahan pengairan bagi memastikan bekalan air yang mencukupi.
- 06 Keperluan terhadap setor penyimpanan dan keselamatan.
- 07 Pengurusan tapak semaian dan amalan yang merangkumi penyiraman, penaburan baja, kawalan rumpai, kawalan makhluk perosak dan penyakit, penakaian dan pengeluaran anak benih.
- 08 Keperluan untuk penyediaan bahan tanaman lanjut umur (APM).
- 09 Penyimpanan rekod dan pelabelan.
- 10 Keperluan undang-undang.

Kod Amalan Baik Tapak Semaian Untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN) ini telah menetapkan keperluan asas dalam pengeluaran anak benih dan ramet yang berkualiti tinggi. Tapak semaian ialah permulaan rantaian bekalan bagi pengeluaran minyak sawit.

Oleh yang demikian, kebolehkesanan adalah bermula daripada penghasilan biji cambah atau ramet daripada pengeluar yang berlesen.

